

20/11/1997

Tiada kerjasama untuk penyiasat Amerika

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan sekali-kali tidak akan bekerjasama dengan pegawai Amerika Syarikat untuk menyiasat Petronas kerana melabur lebih AS\$20 juta dalam projek gas di Iran, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, tindakan unilateral Amerika termasuk Akta Sekatan Iran-Libya (ILSA) dan dipaksa diterima pakai semua negara tanpa menggunakan forum dan badan perdagangan antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO), sukar diterima.

"Sementara kita menghormati hak mana-mana negara membuat akta dan sekatan masing-masing, kita tidak percaya dan adalah tidak munasabah bagi Amerika mengenakan undang-undang yang dibuat dan harus diterima pakai di Amerika, dikenakan ke atas syarikat atau rakyat Malaysia.

"Dalam konteks ini, ILSA yang mempertikai hak Petronas untuk bersama syarikat lain dalam pelaburan di Iran amatlah dikesali. Oleh itu, kita tidak bercadang memberikan apa-apa kerjasama dalam urusan penyiasatan pasukan Amerika," katanya.

Anwar menegaskan demikian ketika membentangkan usul sokongan penuh Dewan Rakyat kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan membantah tindakan Amerika untuk menyiasat pelaburan Petronas di Iran, di Dewan Rakyat hari ini.

Petronas mempunyai kepentingan 30 peratus dalam projek gas South Pars membabitkan pelaburan AS\$2 bilion. Dua lagi rakan kongsi ialah Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Russia.

Bagaimanapun, Amerika mahu menyiasat Petronas sama ada menyalahi ILSA bagi mengenakan sekatan terhadap syarikat asing yang melabur lebih AS\$20 juta di Iran dan Libya.

Sementara itu, ketibaan Timbalan Penolong Setiausaha Negara Amerika bagi Sekatan Tenaga dan Komoditi, William Ramsay di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, untuk menyiasat Petronas petang ini, disambut dengan nota bantahan daripada kumpulan belia.

Nota bantahan itu diserahkan oleh Presiden Pergerakan Belia 4B Malaysia Datuk Mohd Ali Rustam. Wakil Amerika itu tidak membuat apa-apa komen ketika menerima nota itu.

"Saya menyerahkan nota bantahan daripada anggota Belia 4B dan memberitahunya bahawa kita membantah siasatannya terhadap Petronas. Ramsay menerima nota bantahan itu dan kemudian beredar.

"Beliau tidak berkata sepatah pun," kata Mohd Ali yang menemui Ramsay dalam terminal lapangan terbang.

Ramsay dijadual menemui Pemangku Setiausaha Rendah Kementerian Luar bagi Bahagian Amerika, Mohd Arshad Manzoor Hussain, pagi esok.

Semalam, seorang pegawai Kementerian Luar berkata, mereka akan bertukar-tukar pandangan' mengenai Akta Selatan Iran-Libya 1966 yang diluluskan oleh Amerika.

Mengikut Akta itu, sekatan boleh dikenakan terhadap syarikat yang membuat pelaburan melebihi AS\$20 juta di kedua-dua negara itu.

(END)